

Majlis Pelantikan Rakan Bahasa

15 April 2025

Ucapan Encik Zhulkarnain Abdul Rahim

Rakan Bahasa 2025, ibu bapa dan guru-guru.

Ahli-ahli Majlis Bahasa Melayu Singapura, ahli-ahli Jawatankuasa Bulan Bahasa.

Terima kasih atas kehadiran anda pada hari ini.

Saya sangat teruja dapat melihat semua Rakan Bahasa dan tetamu kita pada hari ini. Belum terlambat kiranya untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua.

Pada tahun ini, seramai 333 orang pelajar telah dilantik sebagai Rakan Bahasa. Jumlah ini terdiri daripada 190 pelajar sekolah rendah, 126 pelajar sekolah menengah, 14 pelajar Maktab Rendah, 1 pelajar Institut Pendidikan Teknikal, dan 2 orang mahasiswa universiti. Hal ini amat memberangsangkan kerana ia menunjukkan bahawa guru-guru dan ibu bapa terus memberikan keutamaan untuk memupuk rasa cinta terhadap bahasa dalam kalangan anak-anak kita.

Kepada para pelajar yang hadir pada hari ini, anda telah dipilih sebagai duta bahasa cilik. Saya ingin mengucapkan syabas atas pelantikan anda sebagai Rakan Bahasa. Walaupun anda semua berada di peringkat sekolah yang berbeza, anda berada di sini untuk tujuan yang sama. Anda semua adalah masa hadapan masyarakat kami.

Mengapa? Sebagai pengguna bahasa Melayu yang masih muda, anda merupakan generasi pelapis yang akan terus menggunakan bahasa Melayu. Anda memainkan peranan yang penting untuk terus menyebarkan rasa cinta terhadap bahasa Melayu kepada kawan-kawan serta keluarga anda. Gunakanlah bahasa Melayu dengan penuh rasa bangga sama ada untuk pertuturan harian atau untuk menyampaikan idea, pemikiran, ilmu, dan memperdalam pemahaman terhadap seni dan budaya Melayu. Saya menggalakkan anda untuk memikirkan cara untuk terus mengasah kemahiran berbahasa dan memperdalam cinta anda terhadap bahasa Melayu

Pengacara kita pada hari ini, Saudara Fatih Hamdani, juga boleh dijadikan sebagai motivasi kepada semua Rakan Bahasa yang hadir pada hari ini. Fatih dilantik sebagai Rakan Bahasa pada tahun lalu. Semenjak pelantikannya sebagai Rakan Bahasa, Fatih terlibat secara aktif dalam program-program Bulan Bahasa. Dia juga mengetuai Persatuan Bahasa dan Budaya Melayu di sekolahnya. Hari ini, dia kembali untuk menyumbang masa dan tenaga sebagai pengacara. Syabas dan terima kasih, Fatih.

Sebentar lagi, Fatih akan mengendalikan satu segmen kuiz yang menarik yang pasti akan menaikkan lagi semangat anda semua. Saya sendiri pernah menyertai kuiz ini pada November lalu semasa Majlis Penghargaan Bulan Bahasa. Saya terpinga-pinga juga untuk mencari jawapan yang betul tetapi saya yakin anda semua akan terhibur nanti.

Atas dedikasi Jawatankuasa Kecil Rakan Bahasa dan TeeVers pelbagai aktiviti menarik juga telah disediakan untuk anda.

Daripada 28 April hingga 9 Mei, anda akan berpeluang untuk menyertai Pertandingan TeeVers yang dianjurkan bersama syarikat TeeVers yang diasaskan oleh Encik Benson Loo. Anda akan menulis skrip selama 3-minit bersama pasangan anda dan menghidupkan skrip tersebut melalui lantunan suara. Suara andalah yang akan menjadi ‘pelakon’ utama dalam skrip tersebut. Format ini diperkenalkan pada tahun lepas dan rata-rata mendapat sambutan yang baik. Terima kasih kepada TeeVers kerana sentiasa menyokong Rakan Bahasa.

Pada hari ini, anda semua berpeluang menghadiri sesi latihan oleh seorang Duta Bahasa, Cikgu Asnida Daud. Sesi latihan ini akan membantu anda membina keyakinan diri dan kebijaksanaan. Sesi tersebut juga dapat membantu anda untuk menjadi lebih kreatif dan bermotivasi dalam segala perkara yang anda lakukan. Semoga sesi ini bermanfaat untuk anda dan akan membantu anda sebagai seorang Rakan Bahasa.

Akhir sekali, kami juga menyediakan kad aktiviti Kembara Rakan Bahasa untuk dilengkapkan oleh semua Rakan Bahasa. Ahli Jawatankuasa Bulan Bahasa, Cikgu Azhar Rashid, akan berkongsi lebih lanjut tentang aktiviti-aktiviti kad kembara. Saya berharap aktiviti atau misi dalam kad ini dapat menyuntik kesegaran dan menggalakkan penyertaan semua.

Seperti yang dikongsikan oleh Fatih, kru produksi daripada Mediacorp juga ada bersama kita pada hari ini. Mereka akan merakam dan menyunting rakaman hari ini untuk disertakan dalam Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2025 yang akan disiarkan di televisyen pada akhir bulan Ogos nanti.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengumumkan bahawa Jawatankuasa Bulan Bahasa akan mengadakan sebuah panggilan terbuka kepada Rakan Bahasa untuk terlibat sama dalam memeriahkan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa. Sekolah yang terpilih akan berpeluang untuk mendirikan reruai anda sendiri pada 25 Julai, di Mediacorp. Maklumat lanjut akan dikongsikan oleh Cikgu Azhar nanti. Saya berharap anda semua teruja dan akan mengambil peluang ini untuk menonjolkan aktiviti-aktiviti menarik berkenaan dengan bahasa dan budaya Melayu.

Marilah kita sama-sama mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kecil Rakan Bahasa kerana telah bekerja keras untuk merancang kesemua aktiviti ini untuk anda. Bagi pihak Jawatankuasa Bulan Bahasa, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua guru dan ibu bapa yang telah mencalonkan Rakan Bahasa sebagai duta cilik bahasa Melayu.

Di sekolah, guru membina asas bagi penguasaan bahasa Melayu di bilik darjah dan mendorong anak didik mereka mencapai potensi sebagai Rakan Bahasa.

Di rumah, ibu bapa dapat memperkuuh penggunaan bahasa Melayu melalui pertuturan harian. Alah bisa, tegal biasa. Sesuatu perkara yang lazim dilakukan akan menjadi amalan yang sebatи.

Sekalung budi diucapkan kepada penyokong-penyeokong inisiatif Rakan Bahasa seperti MLLPC dan TeeVers. Terima kasih kepada Singapore Chinese Cultural Centre yang telah menaja tempat bagi acara pada hari ini.

Kepada semua Rakan Bahasa, pelantikan anda amat bermakna dan penting. Sebagai seorang Rakan Bahasa, anda ditugaskan untuk menyebarluaskan cinta anda terhadap bahasa Melayu kepada rakan-rakan dan keluarga. Semoga masyarakat kita terus menggunakan dan menghargai bahasa ibunda kita. Tahniah sekali lagi saya ucapkan.

Sekian, terima kasih.